

Oleh Murni
Wan Omar

murni@hmetro.com.my

SERDANG: Seramai 6,265 pelajar baru Universiti Putra Malaysia (UPM) melafazkan ikrar serta menandatangani akujanji di hadapan Naib Canselor di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Mereka terdiri daripada 5,362 pelajar program ijazah dan 777 pelajar program diploma untuk kemasukan semester pertama bagi sesi 2004/2005 yang mula mendaftar 14 Jun lalu.

Pelajar Sarjana Muda Sains Biologi, Nur Fazlina Fadzil, 19, berkata dia bersyukur kerana terpilih mengikuti kursus yang diminatinya itu kerana ada di kalangan rakan-ranya tidak berjaya.

Menurutnya, gelaran mahasiswa sememangnya menjadi idaman pelajar selepas belajar bersungguh-sungguh dan berpenat lelah semasa peperiksaan di peringkat sekolah menengah.

"Saya gembira dan bangga kerana berjaya menjadi seorang pelajar di sini dan dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang yang saya minati.

"Suntikan semangat daripada naib canselor juga amat memberangsangkan dan ia

6,265 SISWA LAFAZ IKRAR

Pelajar baru
UPM turut
tandatangani

akan menjadi panduan kepada saya serta pelajar lain untuk terus berusaha dan menempa kejayaan," katanya ketika ditemui selepas majlis ikrar di hadapan Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Kimia Perindustrian, Mohamed Farhan Mohamed Zainuddin, 19, bimbang tidak dapat menyesuaikan diri namun selepas beberapa hari dia mula bergaul dengan pelajar lain.

"Berada di sini membolehkan saya berkenalan dan bertukar pandangan dengan lebih ramai rakan yang datang dari pelbagai negeri serta mengambil kursus berbeza.

"Saya memang meminati bidang kimia perindustrian selepas saya melihat sendiri dan diberitahu saudara saya bahawa prospek pekerjaan



IKRAR...Mohd Nadzreen Hidayat Sarjuni mengetuai pelajar baru UPM membaca ikrar, semalam.

dalam bidang ini amat luas," katanya.

Pelajar Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan, Mohd Nasharuddin Abdul Ghani, 19, berkata dia gembira kerana berjaya melanjutkan pelajaran di UPM walaupun kur-

sus yang diberikan adalah pilihan keduanya.

"Kursus yang ditawarkan menepati kelulusan dan minat saya. Malah apabila saya melihat kurikulum yang ditawarkan ia jauh lebih menarik dari pilihan pertama saya.

"Saya bangga kerana bergelar mahasiswa di sini kerana hampir semua fakulti mendapat pengiktirafan ISO 9001 dan UPM juga diiktiraf sebagai pengguna teknologi maklumat terbesar di Malaysia," katanya.



NUR FAZLINA...bangga